

## TAHAP PENYERTAAN DAN PENDAYAUPAYAAN PSIKOLOGI: MENJELASKAN HUBUNGAN MENERUSI ORGANISASI BERASASKAN KOMUNITI

**Fauziah binti Ani<sup>a</sup>, Zahrul Akmal bin Damin<sup>b</sup>, Lufan bin Jaes<sup>c</sup> Harliana binti Halim<sup>d</sup>,  
Khairul Anuar Kamri<sup>e</sup>, Fadillah binti Ismail<sup>f</sup>, Azhani binti Tohar<sup>g</sup>, Asbah binti Razali<sup>h</sup>**

<sup>a,b,c,d,e,f</sup>Universiti Tun Hussien Onn Malaysia(UTHM), Malaysia

Email: <sup>a</sup>[fauziah@uthm.edu.my](mailto:fauziah@uthm.edu.my), <sup>b</sup>[zahruld@uthm.edu.my](mailto:zahruld@uthm.edu.my), <sup>c</sup>[lufan@uthm.edu.my](mailto:lufan@uthm.edu.my),  
<sup>d</sup>[harliana@uthm.edu.my](mailto:harliana@uthm.edu.my), <sup>e</sup>[khairol@uthm.edu.my](mailto:khairol@uthm.edu.my), <sup>f</sup>[fadillah@uthm.edu.my](mailto:fadillah@uthm.edu.my).

<sup>g</sup>Universiti Sains Islam Malaysia, <sup>h</sup>Universiti Malaya

Email: [azhanitohar@usim.edu.my](mailto:azhanitohar@usim.edu.my), [asbah@um.edu.my](mailto:asbah@um.edu.my)

### ABSTRAK

Pendayaupayaan psikologi dalam kajian ini merupakan perubahan yang positif kepada dimensi psikologi ahli-ahli PWPK seperti efikasi diri, kebanggaan diri dan tingkahlaku proaktif yang diperolehi setelah menyertai Organisasi Berasaskan Komuniti (OBK). Atas alasan ini kajian ini dilakukan bagi menentukan hubungan antara tahap penyertaan (pembuatan keputusan, pelaksanaan dan penerimaan faedah dengan pendayaupayaan psikologi dalaman ahli PWPK di Johor. Seramai 366 ahli daripada 60 kumpulan PWPK telah dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan kelompok pelbagai peringkat (cluster multistages sampling) sebagai responden kajian ini. Maklumat kajian dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik dan dianalisis menggunakan *Pearson product moment correlation* SPSS. Dapatan kajian menunjukkan ketiga-tiga tahap penyertaan mempunyai hubungan yang positif dengan pendayaupayaan psikologi. Justeru itu, bagi memastikan PWPK berfungsi sebagai medium pendayaupayaan, maka tahap penyertaan aktif perlu diperluaskan lagi.

Kunci kata : Organisasi Berasaskan Komuniti, Pendayaupayaan, Penyertaan, Psikologi dalaman

## 1.0 PENGENALAN

Dikebanyakan negara-negara membangun, aktiviti promosi untuk mengurangkan kadar kemiskinan wanita luar bandar sering menjadi fokus dalam agenda dalam dasar-dasar kerajaan. Malahan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengiktirafkan pendayaupayaan sebagai strategi yang

boleh menangani masalah ketiadaan kuasa (powerless) dalam kalangan wanita. Di samping menjamin keutuhan sesebuah keluarga, pendayaupayaan golongan wanita juga penting bagi memastikan golongan ini menyedari bahawa mereka mempunyai hak terhadap kehidupan dan berupaya membuat keputusan untuk menentukan apa yang dikehendaki dalam hidup mereka (Fatema et al., 2012). Peranan mereka bukan sahaja terhadap rumah tangga sahaja tetapi juga perlu diperluaskan dalam pembangunan komuniti dan juga negara. Di Malaysia, Rancangan Malaysia ke-11 juga menjadikan pendayaupayaan wanita sebagai salah satu strategi untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju.

Kajian yang dilakukan oleh Acharya, Yoshino, Jimba & Wakai (2005) mendapati golongan wanita luar bandar khususnya dari keluarga petani kurang merebut peluang dan mengambil inisiatif dalam aktiviti pembangunan komuniti. Golongan wanita juga dikatakan mempunyai keyakinan diri dan estimasi yang rendah dan tidak proaktif dalam mengambil tindakan yang membawa perubahan kepada diri sendiri, keluarga dan komuniti (Acharya, Yoshino, Jimba, & Wakai, 2005). Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Organisasi Berasaskan Komuniti (OBK) ditubuhkan untuk menjadi medium di peringkat akar umbi yang boleh dimanfaatkan oleh kaum wanita dalam usaha meningkatkan taraf kehidupan komuniti setempat (Bess, Perkins, Cooper, dan Jones, 2011; Sabhlok, 2011).

OBK menjadi salah satu pendekatan yang digunakan untuk mempertingkatkan status wanita menerusi mobilisasi sumber tempatan yang sedia ada bagi mengurangkan kadar kemiskinan di Malaysia dan kebanyakan negara-negara yang sedang membangun. OBK digunakan sebagai saluran samada oleh individu ataupun pembangunan komuniti untuk membentuk usaha dan sikap berdikari. Perkumpulan Wanita seperti Pergerakan Wanita Pekebun Kecil (PWPK), Perkumpulan Wanita Dinamis (WADIRA), Kumpulan Pengembangan Wanita dan Kumpulan Sahabat adalah merupakan beberapa contoh OBK di Malaysia. OBK didapati sangat relevan untuk golongan miskin di kawasan luar bandar yang mana mereka ini didayaupayakan secara ekonomi, sosial dan psikologi. Pembentukan, fungsi dan kelestarian OBK juga bergantung kepada keupayaan psikologi dalaman meningkatkan kawalan dalam organisasi samada secara interpersonal dan intrapersonal. Manakala kekuatan psikologi dalamannya pula bergantung sejauhmana mereka menjadikan OBK sebagai medium pendayaupayaan (Israel, Checkoway, Schulz, dan Zimmerman, 1994).

Melalui OBK ahli komuniti berpeluang mengorganisasikan diri mereka untuk mengambil tindakan dengan merancang, mentafsirkan kehendak dan masalah, melaksanakan perancangan dengan sumber-sumber yang sedia ada yang digunakan untuk memperbaiki kehidupan mereka (Datta, 2005; Rubin dan Rubin; 2008). Schulz, Israel, Zimmerman, dan Checkoway (1995) berpendapat keupayaan ahli-ahli OBK mengaplikasikan kemahiran, pengetahuan dan memobilisasikan sumber secara kolektif bagi memenuhi kehendak mereka menunjukkan pendayaupayaan sesebuah OBK.

OBK merangsang pendayaupayaan ahli komuniti melalui penyertaan. Cohen dan Uphoff (1980), dan Bess et al. (2011) percaya melalui penyertaan, ahli-ahli komuniti memperoleh ilmu pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan mereka untuk membuat keputusan, memobilisasi dan menguruskan sumber, memantapkan interaksi dan penyelarasan. Seterusnya Datta (2005) pula melihat penyertaan yang aktif dalam OBK dijangka berupaya membina spiritual kemanusiaan, penerimaan, kebersamaan, kesetiaan dan komitmen dalam kalangan ahli yang membawa kepada

kemajuan sosio ekonomi. Ertinya, pencapaian sesebuah OBK dalam meningkatkan taraf hidup ahli komuniti bergantung kepada sejauh mana ahli komuniti yang menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan dan juga sejauh mana aktiviti-aktiviti tersebut memberi impak kepada tahap pendayaupayaan mereka dalam aspek kehidupan.

Justeru itu, dalam kajian yang menggunakan pendekatan OBK telah menginspirasi minat penyelidik untuk mengkaji sejauhmana signifikannya hubungan antara penyertaan dalam OBK dan psikologi dalaman dalam mempertingkatkan tahap kehidupan golongan wanita dalam OBK.

## **2.0 LITERATUR**

### **2.1 Pendayaupayaan Psikologi**

Pendayaupayaan psikologi telah dikonsepsikan berasaskan kepada teori Ekologi Manusia oleh Urie Bronfenbrenner (1917) (Christens, 2012). Teori ini meletakkan pembangunan manusia kepada tiga tahap analisis iaitu individu (psikologi), organisasi dan komuniti yang saling berkait antara satu sama lain. Ia memperlihatkan bagaimana proses perkembangan individu terangkum dalam sistem persekitaran yang menekankan interaksi antara satu sama lain.

Perkins dan Zimmerman (1995) mendefinisikan pendayaupayaan psikologi sebagai proses yang mana individu memperoleh kawalan ke atas kehidupan mereka, penyertaan dalam komuniti, dan pemahaman yang kritikal terhadap persekitaran mereka. Sarjana seperti Zimmerman (1995), Zimmerman, Israel, Schulz & Checkoway (1992), dan Zimmerman & Rappaport (1988) menganggap tahap ini sebagai pendayaupayaan psikologi.

Individu yang berdayaupaya dapat dilihat dari tiga elemen penting iaitu keyakinan dan kecekapan diri, kawalan ke atas situasi kehidupan dan penyertaan bagi mempengaruhi institusi dan membuat keputusan. Keyakinan dan kecekapan diri terhasil apabila seseorang individu mempunyai fikiran yang positif. Mereka yakin dengan kemampuan yang dinilai berdasarkan kecekapan atau potensi yang ada pada diri mereka. Kawalan ke atas kehidupan pula merujuk kepada pengaruh seseorang ke atas situasi kehidupan, mengambil langkah yang proaktif dalam komuniti mereka dan membina pemahaman yang kritikal terhadap persekitaran sosio politik (Schulz, A. J., Israel, B. A., Zimmerman, M. A., & Checkoway, 1995; Christens, 2012). Kurangnya kawalan berlaku akibat dari ketidakmampuan individu itu sendiri, atau pun struktur sosial yang tidak membenarkan mereka bertindak. Perubahan seseorang menurut Christens (2012) boleh dilakukan sekiranya mereka mempunyai hubungan interpersonal dan intrapersonal yang diperolehi menerusi komuniti.

Asas kepada pendayaupayaan adalah penyertaan individu dalam pembangunan komuniti. Melalui inisiatif pembangunan komuniti, daya dan potensi yang ada pada setiap individu yang menyertai secara aktif dalam aktiviti ataupun program pembangunan dapat dicungkil, dikembangkan dan dimanipulasikan sehingga mereka mampu merancang, melaksana dan membuat keputusan. Individu perlu mempunyai pemahaman yang kritis dan analitikal terhadap situasi politik, ekonomi dan sosial di samping mempunyai sumber seperti kemahiran, pengetahuan, harta, kedudukan dan lain-lain bagi membolehkan mereka mengambil tindakan dan seterusnya membuat keputusan.

Keupayaan membuat keputusan juga bergantung sejauhmana mereka berupaya menterjemahkan matlamat diri, organisasi dan komuniti, dan membuat pilihan yang ada untuk menentukan arah tuju kehidupan yang lebih baik.

Pendayaupayaan psikologi di peringkat individu menurut Israel et al. (1994) dihubungkan dengan organisasi dan komuniti melalui potensi-potensi yang ada pada diri individu seperti kebijaksanaan mengawal kehidupan, cekap bertindak, sokongan sosial, pembangunan interpersonal dan kemahiran dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Oleh kerana pendayaupayaan psikologi secara teoritikalnya dihubungkan dengan organisasi dan komuniti, maka ianya dilihat secara berbeza merentasi kedua-dua tahap tersebut (Christens, 2012).

Ciri penting dalam OBK ialah menekankan tindakan kolektif. Justeru itu, pendayaupayaan psikologi boleh dipromosikan menerusi usaha kolektif untuk menggalakkan perubahan lokal, mencabar status quo serta menolak perubahan yang tidak diperlukan. Menerusi tindakan kolektif juga, ahli komuniti melalui proses pembelajaran yang memberi manfaat kepada mereka. Mereka memperolehi pengetahuan, pengalaman dan kemahiran, membina pemikiran yang kritikal, memahami dengan mendalam terhadap sistem lokal, dan mempertingkatkan kepercayaan mereka terhadap kemampuan diri. Malahan hubungan interpersonal yang luas ini membentuk rangkaian sosial dalam sesebuah komuniti yang memberi kesan baik terhadap seseorang individu.

Kesan daripada peningkatan psikologi dalaman menyebabkan ahli komuniti yang menyertai OBK memperolehi lebih banyak faedah berbanding dengan mereka yang bergerak secara individu. Hasil penyertaan mereka dalam OBK mereka memperolehi maklumat dan sumber, strategi peniruan (coping), sokongan sosial, sikap yang positif dan peningkatan imej diri. Semakin aktif mereka terlibat dalam aktiviti OBK, semakin meningkat pendayaupayaan psikologi dalaman dan semakin banyak faedah yang mereka perolehi daripada perkumpulan. Dalam hal ini interaksi yang aktif antara ahli kumpulan mempercepatkan lagi perubahan tersebut. Ahli yang berdayaupaya dari segi psikologinya, mampu untuk memperolehi lebih banyak faedah menerusi aktiviti perkumpulan. Manakala Moyle et al., (2006) berpendapat seseorang individu dianggap berdayaupaya secara psikologi apabila berlaku perubahan pada konstruk psikologi individu seperti efikasi sendiri (kecekapan diri), estim diri dan sikap proaktif.

Efikasi diri (kecekapan) merupakan kepercayaan kepada kemampuan seseorang untuk mengurus dan mengambil sesuatu tindakan bagi menyempurnakan sesuatu tugas, serta cekal merentasi rintangan dan cabaran (Bandura, 1986). Individu yang mempunyai efikasi diri yang tinggi berupaya menukarkan halangan dalam bentuk peluang yang memberi manfaat kepada mereka. Sesuatu tindakan boleh diambil dengan adanya pengetahuan, kemahiran dan ketahanan efikasi diri untuk mengubah kehidupan. Dalam konteks OBK, kecekapan diri boleh menggalakkan wanita luar bandar untuk membina efikasi diri dengan belajar kemahiran-kemahiran baru dalam aktiviti yang dianjurkan. Penyertaan mereka dalam OBK menunjukkan kepercayaan pada kemampuan mereka untuk berjaya dalam kumpulan.

Sama seperti kecekapan diri, sikap proaktif menurut Schwarzer (1999) adalah ciri-ciri personaliti yang memberi implikasi untuk motivasi dan mengambil tindakan. Ia mempercayai bahawa perubahan pada diri sendiri boleh dilakukan menerusi penggunaan sumber, tanggung jawab dan

nilai. Jika dikaitkan dengan wanita luar bandar, individu yang proaktif adalah individu yang sedar sumber internal dan eksternal yang bernilai. Sebagai contohnya, seseorang menyedari bahawa terdapat perkhidmatan yang boleh membantu mereka untuk mencapai matlamat dan kualiti dalaman yang diperlukan untuk mencapai matlamat. Bagi wanita luar bandar, mereka, perlu mempercayai pada diri sendiri untuk mencari penyelesaian kepada masalah berbanding menjadi mangsa. Individu proaktif memfokuskan kepada penyelesaian masalah, walaupun masalah itu disebabkan oleh persekitaran yang tidak menyebelainya. Kajian sebelum ini mendapati bahawa sikap proaktif mempunyai hubungan yang kuat dengan kecekapan diri (Schmitz dan Schwarzer, 1999). Bagi wanita luar bandar kombinasi kualiti membolehkan individu untuk mempercayai diri sendiri, untuk mengambil tindakan dan membina sumber bagi mempertingkatkan persekitaran keluarga.

Estim diri pula menunjukkan tahap di mana seseorang individu itu merasa yakin kepada dirinya sendiri sebagai seorang individu yang bernilai, penting, boleh memberi hasil dan berharga. Rosenberg, Schooler, Schoenbach, & Rosenberg (1995) mendapati bahawa estim diri mempengaruhi tingkahlaku dan tahap penerimaan dan penolakan terhadap dirinya sendiri. Individu yang mempunyai ciri-ciri estim yang tinggi selalunya mempunyai rasa percaya pada diri sendiri, menghargai diri, rasa yakin dengan kemampuan diri dan merasai keberadaannya amat diperlukan oleh orang lain. Manakala individu yang mempunyai estim diri yang rendah cenderung merasakan dirinya tidak mampu untuk melakukan sesuatu, tidak berani berhadapan dengan risiko. Mereka lebih selesa dengan situasi yang biasa dialaminya, tidak merasa yakin, bimbang dengan kritikan, tidak berupaya membina komunikasi yang baik dan merasakan kehidupannya tidak bahagia.

## **2.2 Penyertaan**

Teori lain yang menyokong kajian ini ialah teori penyertaan. Terma penyertaan atau *participatory* muncul buat pertama kalinya dalam peristilahan pembangunan pada tahun 1950-an dan semakin popular pada tahun 1970-an apabila PBB mengenal pasti bahawa penyertaan merupakan pendekatan yang penting bagi meningkatkan tahap ekonomi dan sosial khususnya di luar bandar (Cummings, 1997). Kegagalan model ekonomi konvensional membangunkan majoriti penduduk yang miskin dalam negara Dunia Ketiga dikenal pasti oleh Lowe, Ray, Ward, Wood dan Woodward (1998) sebagai faktor yang membawa konsep penyertaan dalam komuniti diperkenalkan.

Model ekonomi konvensional menggunakan pendekatan atas-bawah bagi mengatasi masalah kemiskinan dengan menekankan pembangunan *ekstrogenous* seperti infrastruktur fizikal dan sumber material, pelaburan, kewangan dan lain-lain bagi melonjakkan produktiviti sektor utama. Andaian pendekatan ini ialah ahli komuniti tidak mempunyai kepakaran dan pengetahuan bagi menyelesaikan masalah teknikal dan produksi (Cummings, 1997).

Namun begitu, Abbott (1995) dan Lowe et al., (1998) berpendapat kegagalan strategi ekonomi *ekstrogenous* telah membawa kepada pencarian bentuk pembangunan baru yang lebih sesuai dan efektif bagi membantu komuniti meningkatkan taraf kehidupan mereka ke tahap yang lebih baik. Pihak kerajaan menyedari bahawa faktor sumber manusia, alam sekitar dan budaya merupakan sumber yang diabaikan yang membawa kepada kegagalan pembangunan *ekstrogenous* dalam membangunkan komuniti luar bandar. Bermula pada tahun 1980-an, perubahan dilakukan dengan

memberi penekanan kepada pembangunan *endogenous* dengan mengoptimalkan penggunaan sumber manusia, alam sekitar, budaya dan aset yang berasaskan komuniti bagi membangunkan komuniti luar bandar. Paradigma pembangunan ekonomi membentuk persekitaran yang memerlukan satu pendekatan yang efektif bagi menangani masalah kemiskinan dalam kalangan ahli-ahli komuniti (Lowe et al., 1998; Marsden dan Oakley, 1991).

Penyertaan menjadi semakin berpengaruh dalam perancangan pembangunan luar bandar berikutan kegagalan praktis atas-bawah (top-down approach) dalam pembangunan serta membasmi kemiskinan di luar bandar (Cummings, 1997; Kelly dan Vlaenderen, 1996). Penyertaan dilihat oleh Cummings (1997) sebagai usaha mengatasi kelemahan pendekatan atas-bawah. Ia menekankan keupayaan ahli komuniti memobilisasikan potensi yang ada pada diri mereka untuk membangunkan individu, keluarga dan komuniti bagi mencapai taraf kehidupan yang lebih baik.

Secara umumnya definisi penyertaan komuniti dilihat oleh Abbott (1995), Asnarulkhadi (2006), Asnarulkhadi dan Aref (2011), Hung, Sirakaya-Turk, dan Ingaram (2010) dan Cummings (1997) dari dua perspektif iaitu penyertaan sebagai cara dan matlamat.

Sebagai cara, ahli komuniti tidak terlibat secara langsung dalam proses pembuatan keputusan sebaliknya ditentukan oleh pihak kerajaan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan dan berkemungkinan tidak selari dengan kehendak mereka (Asnarulkhadi dan Aref, 2011). Penyertaan ini juga dianggap sebagai penyertaan yang statik dan pasif kerana mereka didorong dan diminta untuk menyertai program yang dianjurkan oleh pihak atasan seperti agensi-agensi kerajaan atau badan-badan lain. Kecekapan dan keberkesanan penyertaan sebagai cara dikenal pasti oleh Burkey (1993), dan Marsden dan Oakley (1991) dengan melihat hasil sesuatu aktiviti atau program pembangunan komuniti. Atas alasan ini, Koneya (1978) berpendapat, oleh kerana kerajaan yang merancang dan melaksanakan aktiviti pembangunan, maka penyertaan ahli komuniti dari perspektif ini bukanlah satu strategi yang efektif.

Sebagai satu matlamat pula, penyertaan merujuk kepada penglibatan secara langsung ahli komuniti dalam proses pembuatan keputusan, merancang dan melaksanakan aktiviti pembangunan mengikut keperluan dan kehendak mereka. Ia juga dianggap sebagai satu proses membantu membangunkan kapasiti ahli komuniti atau kemampuan, mengenal pasti dan meningkatkan potensi diri. Penyertaan ini juga menyediakan peluang mempengaruhi dan berkongsi kuasa secara kolektif iaitu kuasa untuk menentukan dan memperoleh kawalan ke atas kehidupan mereka (Asnarulkhadi dan Aref, 2011; Nikkiah, 2010). Ia merupakan bentuk penyertaan yang dinamik, aktif dan respons kepada kehendak lokal dan persekitaran. Kepentingan mencapai matlamat pembangunan menjadi perkara kedua sebaliknya penyertaan aktif dalam proses pembangunan diberi keutamaan. Penyertaan ini juga dilihat oleh Moser (1989) sebagai penggunaan pendekatan bawah-atas.

**Jadual 2.1 : Perbandingan Penyertaan sebagai Proses dan Matlamat**

<b>Penyertaan sebagai proses (Means)</b>	<b>Penyertaan sebagai matlamat (End)</b>
Matlamat atau objektif yang ditentukan pada peringkat awal	Mendayaupayakan ahli komuniti untuk menyertai secara aktif
Memobilisasikan sumber-sumber untuk mencapai objektif program atau projek	Memastikan peranan penduduk meningkat dalam usaha pembangunan.
Penekanannya ke atas pencapaian objektif dan tidak banyak kepada tindakan penyertaan itu sendiri.	Meningkatkan kemampuan penduduk untuk menyertai, daripada hanya untuk mencapai objektif projek.
Lebih kepada program kerajaan yang mana tujuan utamanya adalah untuk memobilisasikan komuniti bagi meningkatkan pencapaian.	Lebih kepada program atau aktiviti yang komuniti anjurkan sendiri
Penyertaan sebagai proses jangka pendek	Penyertaan sebagai proses jangka panjang
Penyertaan yang pasif	Secara relatifnya lebih aktif dalam jangka masa yang panjang.

Selari dengan pandangan tersebut, Nelson dan Wright (1995) percaya bahawa pendayaupayaan dan pencapaian penduduk terhad kepada penyertaan sebagai cara daripada penyertaan sebagai matlamat. Manakala Burke (1968) berpendapat penyertaan rakyat bukanlah satu matlamat tetapi sebagai satu strategi yang digunakan untuk mencapai matlamat yang telah ditentukan dari peringkat awal. Dalam kajian ini penyertaan sebagai matlamat dikaji dan dijangka mempengaruhi pendayaupayaan psikologi dalaman.

Di peringkat individu, terdapat banyak kajian lepas yang memfokuskan hubungan langsung antara penyertaan komuniti dan pendayaupayaan psikologi. Sarjana seperti Msw & Cheung, (2006); Christens et al.(2011); Speer et al.(2012); Zimmerman et al., (1992), Rappaport, (1987), Florin & Wandersman (1990) dan Zimmerman & Rappaport (1988) bersependapat bahawa melalui penyertaan, ahli-ahli komuniti memperoleh kawalan yang baik ke atas kehidupan mereka, dan mengambil pendekatan yang positif dan membina kefahaman yang kritikal terhadap persekitaran politik dan sosial.

Moyle, Dollard & Biswas (2006) pula mempercayai penyertaan dalam perkumpulan menghasilkan sikap yang positif seperti efikasi diri (self-efficacy), kebanggaan diri (self-esteem) dan sikap proaktif yang mendayaupayakan mereka untuk membuat keputusan, merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang memberi impak kepada kehidupan mereka ke arah yang lebih baik. Kajian Speer et al. (2012), Itzhaky & York (2000), Zimmerman et al. (1992) membuktikan bahawa komponen interpersonal pendayaupayaan psikologi mempunyai hubungan yang positif dengan

penyertaan. Bagi mengukuhkan pandangan tersebut Itzhaky & York (2000) berpendapat tempoh masa penyertaan perlu diambil kira bagi mengukur tahap pendayaupayaan psikologi. Semakin lama seseorang itu menyertai aktiviti semakin tinggi pendayaupayaan psikologi mereka.

Hubungan langsung antara peringkat penyertaan dengan pendayaupayaan juga berlaku di peringkat organisasi dan kumpulan dikaji oleh ramai sarjana (Schulz et al., 1995; Tremblay & Gutberlet, 2010; Hardina, 2003; Moyle, Dollard & Biswas, 2006) dan komuniti (Perkins, Florin, Rich & Chavis, 1990; Peterson, Andrew & Speer, 2000).

Zimmerman & Rappaport (1988) dan Msw & Cheung (2006) berpendapat penyertaan dalam organisasi boleh menjadi mekanisma yang penting untuk membina pendayaupayaan psikologi kerana peserta boleh memperoleh pengalaman menguruskan manusia, mengenalpasti sumber dan membangunkan strategi untuk mencapai matlamat. Malahan penyertaan dalam kumpulan bukan sahaja membantu mencapai faedah yang maksimum tetapi juga dapat membina pendayaupayaan personal dan ekonomi. Namun pendayaupayaan individu tidak akan efektif tanpa mendayaupayakan kumpulan organisasi dan komuniti. Adams (2003) percaya kumpulan, organisasi atau komuniti yang berdayaupaya mampu menyediakan ahli komuniti dengan pengalaman, yang positif, kemahiran dan keyakinan diri bagi meningkatkan kualiti kehidupan.

### 3.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif inferensi yang dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 21. Kaedah ini berupaya membincangkan dan memberi gambaran yang jelas tentang penyertaan dan pendayaupayaan ahli dalam kegiatan ahli PWPK di Johor. SPSS digunakan untuk mengkaji korelasi antara variabel.

Bagi tujuan kajian ini, seramai 366 ahli dipilih dengan menggunakan kaedah pensampelan kelompok pelbagai peringkat (cluster multistages sampling). Menurut Fowler (2002) dan Floyd J. Fowler (2009), kaedah pensampelan ini sesuai digunakan bagi kajian tinjauan yang mempunyai saiz populasi yang besar dan tidak mempunyai senarai nama ahli yang lengkap. Terdapat beberapa tahap pemilihan sampel yang mewakili populasi. **Peringkat pertama**; pengkaji memilih secara rawak 12 daripada 23 stesen PWPK yang mewakili daerah Kota Tinggi(2), Muar(3), Pontian (2), Segamat (2), Mersing (1), Kluang (2). **Peringkat 2**; sebanyak 60 daripada 119 buah PWPK dipilih secara rawak mewakili stesen yang dipilih di peringkat pertama iaitu di Kota Tinggi (8), Muar (13), Pontian (10), Segamat(10), Mersing (9), Kluang (10). **Peringkat 3**, 6 orang ahli dipilih secara rawak daripada bagi setiap PWPK yang dipilih dengan membawa jumlah keseluruhan seramai 366 ahli.

Maklumat kajian ini di kumpul dengan menggunakan borang soal selidik secara temu bual bersemuka yang mengandungi tiga bahagian. Bahagian A, berkaitan dengan latar belakang demografi yang mengandungi soalan tentang daerah, umur, tempoh keahlian, pekerjaan utama, taraf perkahwinan, tahap pendidikan dan pendapatan. Bahagian B mengandungi soalan mengenai tahap penyertaan ahli PWPK dalam aktiviti pembangunan. Item penyertaan yang dikemukakan menggunakan tipologi penyertaan Cohen dan Uphoff (1981) yang merangkumi 3 tahap iaitu yang mengandungi pembuatan keputusan, pelaksanaan dan penerimaan faedah. Jumlah item tahap penyertaan adalah sebanyak 32 soalan yang diukur dengan menggunakan skala Likert 5-mata.



Seterusnya bagi dimensi psikologi iaitu bahagian C, soal selidik yang dibentuk adalah gabungan daripada tiga sub dimensi yang terdiri daripada efikasi diri (self-efficacy), proaktif dan penghargaan sendiri (self esteem). Bagi mengukur kecekapan diri, pengkaji menggunakan soal selidik *General Efficacy Scale* oleh Ralf Schwarzer, (1995). Manakala sikap proaktif menggunakan *Proactive Attitude Scale* oleh Schwarzer (1999) dan estim diri menggunakan soal selidik *Self Esteem Scale* oleh Rosenberg (1965) yang mengukur sikap kebanggaan diri. Jumlah keseluruhan psikologi dalaman ialah sebanyak 14 item. Skala likert 5 markat digunakan untuk mengukur tahap yang paling rendah iaitu daripada sangat tidak setuju sehinggalah tahap yang paling tinggi iaitu sangat setuju. Indeks kebolehpercayaan instrumen bagi keyakinan soal selidik dimensi sikap proaktif ialah .79, kecekapan diri ialah antara .76 hingga .90 dan kebanggaan diri pula diantara .77 hingga .88.

Terdapat dua jenis kesahan yang dikaji iaitu kesahan kandungan dan konstruk. Kesahan kandungan disemak oleh pakar yang dikenal pasti dan kemudiannya diuji melalui kajian rintis. Manakala kebolehpercayaan konstruk pula diuji menerusi analisis faktor kesahan (Confirmatory Factor Analysis-CFA). Berdasarkan ujian tersebut, hanya 13 daripada 32 item yang sepadan dan mengukur konstruk (pembuatan keputusan- 4 item, pelaksanaan= 5 item dan penerimaan faedah= 4item) dan diguna dalam kajian ini. Keputusan akhir CFA pendayaupayaan psikologi menunjukkan 11 daripada 14 item dengan kesemua indek kesepadanan melepasi kriteria yang ditetapkan

#### **4.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Objektif kajian ini ingin menentukan hubungan antara tahap penyertaan dalam pembuatan keputusan, pelaksanaan dan penerimaan faedah, dengan pendayaupayaan psikologi dalaman. Bagi menganalisis hubungan tersebut, *Pearson Corelation Product Moment* SPSS digunakan. Bagi mengukur tahap hubungan, pengkaji menggunakan penentuan Cohen (1988) untuk melihat kekuatan hubungan antara variabel bebas dan bersandar yang mana korelasi dilambangkan oleh r.

Keputusan kajian menunjukkan hubungan sederhana dan signifikan antara penyertaan dalam pembuatan keputusan ( $r=.40, p>0.5$ ), pelaksanaan ( $r=.44, p<0.5$ ), penerimaan faedah ( $r=.45, p<0.5$ ) dengan psikologi dalaman. Kajian membuktikan ketiga-tiga penyertaan sama ada dalam pembuatan keputusan, pelaksanaan dan penerimaan faedah mempunyai hubungan yang positif dengan psikologi dalaman bahawa ahli memperoleh kawalan yang baik ke atas kehidupan, dan membina kefahaman yang kritikal terhadap persekitaran politik dan sosial menerusi penyertaan aktif dan seterusnya menyokong kajian lepas (Msw dan Cheung, 2006; Christens, Peterson, dan Speer, 2011; Speer et al., 2012; Zimmerman et al., 1992; Moyle, Dollard, dan Biswas, 2006). Dalam konteks PWPK, penyertaan dalam perkumpulan menghasilkan sikap yang positif seperti kecekapan diri, kebanggaan diri dan sikap proaktif yang mendayaupayakan mereka untuk membuat keputusan, merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang memberi impak kepada kehidupan mereka ke arah yang lebih baik.

### Jadua 1: Hubungan antara Peringkat Penyertaan dan Pendayaupayaan Psikologi dalaman

Variabel	X1	X2	X3	Y3
X1(Pembuatan Keputusan)	1			
X2 (Pelaksanaan)	.430	1		
X3(Penerimaan Faedah)	.441	.597*	1	
Y3(Pendayaupayaan psikologi)	.399	.435	.452	1

\*Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.05 (2-tailed)

\*\* Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (1-tailed)

Secara keseluruhannya, walaupun mempunyai kekuatan hubungan yang berbeza, namun hasil kajian membuktikan terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara ketiga-tiga peringkat penyertaan dengan pendayaupayaan psikologi dalaman dalam kalangan ahli PWPK. Konsisten dengan kajian lain seperti Saidu (2014), Li (2006), Ohmer (2007), Mohammad (2010) dan Muhammad (2009), boleh dirumuskan bahawa penyertaan aktif dalam aktiviti perkumpulan berkait rapat dengan tahap pendayaupayaan psikologi dalaman. Ia bermaksud pendayaupayaan psikologi dalaman ahli boleh dicapai secara signifikan melalui penyertaan dalam PWPK. Menurut Cohen dan Uphoff (1971), ahli komuniti perlu terlibat secara menyeluruh melalui beberapa peringkat iaitu pembuatan keputusan, pelaksanaan, penerimaan faedah dan penilaian bagi memastikan aktiviti tersebut memberi kesan yang positif ke atas kehidupan mereka.

### 5.0 RUMUSAN

Ringkasnya, PWPK beroperasi sebagai OBK yang memainkan peranan yang cukup penting dalam pembangunan komuniti di luar bandar. Penubuhan PWPK bukan sahaja memberi impak yang positif terhadap pendayaupayaan ahli-ahlinya dalam mempertingkatkan kualiti kehidupan mereka, tetapi juga turut menyumbangkan kepada kemajuan pembangunan negara. Namun begitu, tahap pendayaupayaan psikologi dalaman, bergantung kepada sejauhmana ahli-ahlinya menjadikan organisasi ini sebagai medium yang mendayaupayakan mereka bagi mengawal dan mengatasi permasalahan yang memberi impak kepada kehidupan mereka. Dapatan kajian menunjukkan penyertaan (pembuatan keputusan, pelaksanaan dan penerimaan faedah) dalam aktiviti PWPK mempunyai hubungan yang positif terhadap psikologi dalaman ahli PWPK. Penyertaan mereka dalam perkumpulan tersebut memberi ruang kepada mereka untuk membina kemahiran sosial yang mendorong mereka untuk percaya kepada keupayaan diri sendiri. Dari situ mereka belajar mengenal diri dan persekitaran, menyelesaikan masalah, membuat keputusan, mengurus dan melaksanakan tugas komuniti, dan mengambil tindakan bagi memperbaiki kehidupan ke tahap yang lebih baik. Menerusi perkumpulan juga mereka memperoleh pengalaman dan pengetahuan serta belajar kemahiran-kemahiran baru sehingga mereka berupaya mengurus dan melaksanakan aktiviti OBK dengan cekap.

## RUJUKAN

- Abbott, J. (1995). Community participation and its relationship to community development. *Community Development Journal*, 30(2), 158–168. <http://doi.org/10.1093/cdj/30.2.158>
- Asnarulkhadi Abu Samah. (2006). Participation and quality of life : A study on the people's empowerment in a Malay village community. *Pertanika J. Soc.Sci & Human*, 14(1), 11–25.
- Asnarulkhadi Abu Samah, & Aref, F. (2011). The theoretical and conceptual framework and application of community empowerment and participation in processes of community development in Malaysia. *Journal of American Science*, 7(2), 187–195.
- Bess, K. D., Perkins, D. D., Cooper, D. G., & Jones, D. L. (2011). A heuristic framework for understanding the role of participatory decision making in community-based non profit. *Am J Community Psychology*, 47, 236–252. <http://doi.org/10.1007/s10464-010-9396-8>
- Burke, E. M. (1968). Citizen participation strategies. *Journal of the American Institute of Planners*, 34(March 2015), 287–294. <http://doi.org/10.1080/01944366808977547>
- Burkey, S. (1993). People first: a guide to self-reliant participatory rural development. In *People first: a guide to self-reliant participatory rural development*. Retrieved from <http://www.scopus.com/inward/record.url?eid=2-s2.0-17044457343&partnerID=40&md5=0c188376d3de55f579a4a077fbee502c>
- Christens, B. D. (2012). Targeting empowerment in community development: a community psychology approach to enhancing local power and well-being. *Community Development Journal*, 47(4), 538–554. <http://doi.org/10.1093/cdj/bss031>
- Cohen, J. M., & Uphoff, N. T. (1980). Participation's place in rural development: Seeking clarity through specificity. *World Development*, 8(3), 213–235. Retrieved from <http://linkinghub.elsevier.com/retrieve/pii/0305750X8090011X>
- Cummings, F. H. (1997). Role of participation in evaluation and implementation of development project. *The International Journal of Knowledge Transfer and Utilization*, 10(1), 24–33.
- Datta, D. (2005). Sustainability of community-based organizations of the rural poor : Learning from concern's rural development projects, Bangladesh. *Community Development Journal*, 42(1), 47–62. <http://doi.org/10.1093/cdj/bsi093>
- Floyd J.Fowler, J. (2009). *Survey Research Methods* (4th ed.). California :Sage Publications,Inc. Retrieved from <http://books.google.co.uk/books?id=2Enm9gWeH2IC>
- Fowler, F. (2002). *Survey Research Methods*. Sage Publications.
- Hung, K., Sirakaya-Turk, E., & Ingaram, L. (2011). Testing the efficacy of an integrative model for community participation. *Journal of Travel Research*, 50(3), 276–288. <http://doi.org/10.1177/0047287510362781>
- Israel, B. A., Checkoway, B., Schulz, A., & Zimmerman, M. (1994). Health education and community empowerment: Conceptualizing and measuring perceptions of individual, organizational, and community control. *Health Education Quarterly*, 21(2), 149–170. <http://doi.org/http://dx.doi.org/10.1177/109019819402100203>
- Kelly, K. J., & Van Vlaenderen, H. (1996). Dynamics of participation in a community health project. *Social Science & Medicine*, 42(9), 1235–1246. [http://doi.org/10.1016/0277-9536\(95\)00218-9](http://doi.org/10.1016/0277-9536(95)00218-9)
- Koneya, M. (1978). Citizen participation is not community development. *Community Development Society. Journal*. <http://doi.org/10.1080/15575330.1978.9987065>
- Li, W. J. (2006). Community decision making participation in development. *Annals of Tourism Research*, 33(1), 132–143. <http://doi.org/10.1016/j.annals.2005.07.003>
- Lowe, P., Ray, C., Ward, N., Wood, D., & Woodward, R. (1998). *Participation in rural development: a review of European experience*. New Castle.
- Marsden, D., & Oakley, P. (1991). Evaluation of social development editorial introduction. *Community Development Journal*, 26(4).
- Mohammad, S. N. (2010). *People's participation in development projects at grass-root level : A case study of alampur and jagannathpur union parishad*. Master' thesis North South University, Bangladesh.

- Mok, B. H., W. Cheung, T., & Cheung, T. S. (2006). Empowerment effect of self- help group participation in a Chinese context. *Journal of Social Service Research*, 32(3), 37–41.
- Moser, C. O. N. (1989). Gender planning in the third world: Meeting practical and strategic gender needs. *World Development*, 17(11), 1799–1825. [http://doi.org/10.1016/0305-750X\(89\)90201-5](http://doi.org/10.1016/0305-750X(89)90201-5)
- Moyle, T. L., Dollard, M., & Biswas, S. N. (2006). Personal and economic empowerment in rural Indian women: A self-help group approach. *International Journal of Rural Management*, 2(2), 245–266. <http://doi.org/10.1177/097300520600200207>
- Muhammad, M. W. (2009). *Community participation in forest management programs in Azad Jammu Kashmir and Hazara, Pakistan*. tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Nelson, N., & S. Wright. (1995). Participation and power. In *Power and participatory development: Theory and practice* (pp. 1–18). London :Intermediate Technology Publication.
- Nikkhah, H. A. (2010). *Women empowerment through non-governmental organization's programs in Shiraz, Iran*. (unpublish Doctor of Philosophy' thesis). Universiti Putra Malaysia.
- Ohmer, M. L. (2007). Citizen participation in neighborhood organizations and its relationship to volunteers' self-and collective efficacy and sense of community. *Social Work Research*, 31(2), 109.
- RISDA.2014. Amanat Pengurusan RISDA.
- RISDA.2015. Amanat Pengurusan RISDA.
- Sabhlok, S. G. (2011). Development and Women : The Role of Trust in Self-Help Groups, *1*(2010), 241–261. <http://doi.org/10.1177/097152151101800206>
- Saidu, M. B. (2014). Relationship between socio-economic factors and participation in decision making in microfinance scheme among rural farmers in Kano, Nigeria. *Life Science Journal*, 11(4), 342–347.
- Schulz, A. J., Israel, B. A., Zimmerman, M. A., & Checkoway, B. N. (1995). Empowerment as a multi-level construct: Perceived control at the individual, organizational and community levels. *Health Education Research*, 10(3), 309–327. <http://doi.org/10.1093/her/10.3.309>
- Schulz, A. J., Israel, B. A., Zimmerman, M. A., & Checkoway, B. N. (1995). Empowerment as a multi-level construct : perceived control at the individual, organizational and community levels. *Health Education Research*, 10(3), 309–327.
- Speer, P., Peterson, N., Armstead, T., & Allen, C. (2012). The influence of participation, gender and organizational dense of community on psychological empowerment: The moderating effects of Income. *American Journal of Community Psychology*, 51(1), 103–113. <http://doi.org/10.1007/s10464-012-9547-1>
- Utusan Malaysia online. 9 Mei 2016. Kerajaan perkasa AET tambah pendapatan pekebun kecil. *Utusan Malaysia*. Retrieve from. [utusan.com.my/berita/nasional/kerajaan.perkasa.aet.tambah.pendapatan.pekebun.kecil.-1.320195](http://utusan.com.my/berita/nasional/kerajaan.perkasa.aet.tambah.pendapatan.pekebun.kecil.-1.320195).